

**Company Name** : Empire Premium Food Berhad  
**Date** : 17 April 2026  
**Source** : Berita Harian

## Harga Saham Empire Premium Food Melonjak 57 Peratus Pada Dagangan Sulong



Ketua Pegawai Eksekutif Premium Food Bhd, Nicole Lim pada sidang media penyenaraian Premium Empire Food di Bursa Saham Kuala Lumpur. - NSTP/HAZREEN MOHAMAD

KUALA LUMPUR: Syarikat induk kepada Empire Sushi Sdn Bhd, Empire Premium Food Berhad, mencatatkan prestasi memberangsangkan pada hari pertama penyenaraianya di Pasaran Utama Bursa Malaysia apabila dagangan sulung dibuka pada harga RM1.10, premium 57.1 peratus berbanding harga tawaran awam permulaan (IPO) sebanyak 70 sen sesaham.

Saham syarikat itu turut merekodkan volum pembukaan sebanyak 26.4 juta unit, mencerminkan minat pelabur yang kukuh serta penerimaan positif pasaran terhadap kemasukan kumpulan berkenaan ke pasaran modal.

Ketua Pegawai Eksekutif, Nicole Lim berkata penyenaiaan itu merupakan detik penting dalam sejarah syarikat, dengan premium harga saham mencerminkan keyakinan pelabur terhadap model perniagaan serta potensi pertumbuhan sektor runcit makanan.

"Dengan dana RM152.6 juta yang diperoleh, kami kini berada dalam kedudukan kukuh untuk mempercepatkan pelan pengembangan," katanya.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM79.1 juta akan digunakan bagi membuka cawangan baharu di lokasi strategik untuk memperluas kehadiran pasaran syarikat.

Selain itu, RM12.6 juta diperuntukkan bagi menaik taraf dan membaik pulih cawangan sedia ada untuk meningkatkan pengalaman pelanggan serta mengekalkan standard jenama, RM52.1 juta sebagai modal kerja bagi menyokong operasi harian, manakala baki RM8.8 juta digunakan untuk menampung kos penyenaiaan.

Mengulas lanjut, Nicole berkata syarikat merancang membuka 56 cawangan baharu dalam tempoh tiga tahun akan datang dengan memberi tumpuan kepada lokasi strategik bertrafik tinggi, khususnya di pusat beli-belah di seluruh negara.

Beliau berkata strategi pengembangan tidak ditetapkan mengikut negeri tertentu, sebaliknya bergantung kepada peluang lokasi terbaik yang mampu menjana trafik pelanggan tinggi.

"Kami melihat lokasi terlebih dahulu, terutama di pusat beli-belah yang menawarkan kedudukan strategik, sebelum membuat keputusan pembukaan cawangan," katanya dalam sidang media selepas majlis penyenaiaan, di sini, hari ini.

Mengulas persaingan, Nicole berkata syarikat memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti makanan dan operasi dalaman berbanding terlalu memfokuskan kepada pesaing.

"Dalam industri makanan dan minuman (F&B), kualiti makanan adalah yang paling penting. Jika kita dapat kawal kualiti, kita boleh menguasai pasaran sedia ada itu.

"Syarikat turut menetapkan sasaran pertumbuhan jualan kedai sedia ada (SSSG) antara tiga hingga lima peratus setiap tahun bagi outlet yang telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, dengan pencapaian konsisten direkodkan dalam tempoh tiga tahun lalu.

"Pertumbuhan itu didorong oleh peningkatan kesedaran jenama serta keupayaan menarik pelanggan baharu, di samping mengekalkan pelanggan sedia ada melalui kualiti produk," katanya.

Tambah beliau, persekitaran ekonomi semasa tidak memberi kesan ketara kepada prestasi jualan berikutan model perniagaan yang fleksibel dan mampu milik.

"Kami sentiasa memperkenalkan produk baharu yang sesuai dengan selera tempatan dan memastikan harga ditetapkan berdasarkan kos yang dikira dengan teliti," katanya.

Syarikat itu juga tidak merancang untuk mengembangkan operasi ke luar negara dalam masa terdekat, sebaliknya akan terus memberi tumpuan kepada pasaran domestik yang masih mempunyai ruang pertumbuhan luas.

Sebagai entiti tersenarai, Empire Premium Food komited mengekalkan standard tadbir urus korporat yang tinggi serta kecemerlangan operasi, di samping memperkukuh kedudukannya sebagai jenama sushi premium mampu milik di Malaysia.

Ditubuhkan pada 2010 menerusi jenama Empire Sushi, kumpulan itu kini mengendalikan 143 cawangan di seluruh negara, merangkumi 127 outlet berkonsep 'grab-and-go' dan 16 outlet 'quick dine-in', sekali gus muncul sebagai rangkaian sushi terbesar di Malaysia dari segi hasil dan jumlah cawangan.